



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 3 OGOS 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MAFI BANTU PASARKAN 11,000 TAN METRIK, HM -ONLINE MAFI PASAR 11,000 TAN HASIL PERTANIAN, NASIONAL, SH -13 PROGRAM LADANG KONTRAK ATASI LAMBAKAN HASIL PERTANIAN, UM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4. 5. 6. 7. 8. 9.	FAMA BANTU PASAR 11,000 TAN HASIL PERTANIAN, SH -ONLINE FAMA PASARKAN 11,000 TAN METRIK HASIL PERTANIAN 25 MEI HINGGA 29 JULAI, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE FAMA PASARKAN 11,000 TAN HASIL TANI, NASIONAL, BH -15 FAMA BELI SEMULA LAMBAKAN HASIL, DALAM NEGERI, UM -27 FAMA HELPS MARKET 11,000 TONNES OF GREENS, NEWS, THE SUN -3 FAMA HELPS MARKET 11,000 TONNES OF AGRICULTURAL PRODUCE IN MAY-JULY, BORNEO POST (KUCHING) -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
10. 11. 12. 13. 14. 15.	HARGA DURIAN KAMPUNG JATUH KEPADA RM2 SEKILU DI TANAH MERAH DAN JELI, MALAYSIA KINI -ONLINE DURIAN PRICE PLUMMETS AFTER TURNING UNSALABLE DUE TO FACTORY SUSPENDED FROM WORK, CHINA PRESS -ONLINE LIMA TAN DURIAN UNTUK PETUGAS HADAPAN, NEGERI PERAK, SH -27 KOSAHABATSASAR HASILKAN SATU JUTA AYAM PEDAGING, NIAGA, KOSMO -31 DURIAN PAWANG NONG PIKAT HATI PELANGGAN, DALAM NEGERI, UM -13 ISI DURIAN MONTHONG KUNING, TEBAL, MANIS, DALAM NEGERI, UM -13	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/8/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

MAFI bantu pasarkan 11,000 tan metrik pertanian [METROTV]



Pasir Mas: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membantu memasarkan 11,000 tan metrik hasil pertanian membabitkan nilai khidmat pemasaran sejumlah RM38.22 juta di seluruh negara bermula 25 Mei sehingga 29 Julai 2021.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, semua hasil pertanian yang dipasarkan oleh FAMA dibawa ke kawasan yang memerlukan selain diguna sebagai produk sumbangan dalam program MAFI Prihatin.

Katanya, inisiatif berkenaan secara tidak langsung dapat membantu golongan petani yang berhadapan masalah lambakan sayur-sayuran sebagaimana berlaku kepada pengusaha [timun](#) yang [dilaporkan](#) di akhbar baru-baru ini.

"Pada dasarnya, FAMA telah membantu petani ini memasarkan hasil tanaman mereka selain turut diberi tempat secara percuma di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, Kota Bharu, untuk menjual sendiri hasil timun terbabit.

"Selain itu, mereka yang berada dalam sektor agro makanan diseru untuk mendaftar di bawah agensi atau jabatan berkaitan pada peringkat awal supaya pihak kementerian dapat membantu jika ada masalah terutamadari segi pemasaran.



CHE Abdullah (dua kanan) melihat lambakan timun yang diusahakan oleh Nik Izani Nik Yaakub, 46 (kanan) ketika lawatannya di Kampung Pulau, Mukim Chicha Tinggi. FOTO Nik Abdullah Nik Omar

"Buktinya, program MAFI Prihatin juga antara inisiatif serampang dua mata yang dapat membantu petani memasarkan lambakan tanaman selain memberi pendapatan kepada mereka yang terjejas dengan

Covid-19," katanya ketika ditemui selepas melawat kebun timun di Kampung Pulau, Mukim Chicha Tinggi, di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengarah FAMA Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad, dan Penasihat Kompleks Pemasaran FAMA Kelantan, Mohd Ariffin Awang.

Che Abdullah berkata, di Kelantan sebanyak 2,500 tan matrik hasil pertanian dipasarkan membabitkan nilai RM2.4 juta dalam tempoh sama.

Jelasnya, pengusaha kebun yang terkesan juga mengakui berpuas hati dengan bantuan FAMA selain bersedia untuk terus memulakan tanaman baru selepas ini dengan lebih tersusun melalui penyertaan Ladang Kontrak.

"Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) fasa kedua, FAMA turut mewujudkan Bilik Gerakan (*Crisis Management Centre*) yang beroperasi bermula 8 pagi sehingga 7 malam.

"Saya juga menyarankan orang ramai untuk membeli barangan secara atas talian bagi mengelak risiko jangkitan wabak melalui aplikasi yang disediakan seperti Agrobazar Online (ABO) dan e-commerce, begitu juga melalui Lazada, MyGroser dan OurFarm AirAsia," katanya.

MAFI pasar 11,000 tan hasil pertanian

Sebanyak RM38.22 juta dibelanjakan untuk atasi lambakan hasil pertanian akibat pandemik

Oleh HAZELE LIANA
KAMARUDIN

PASIR MAS

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) membelanjakan sebanyak RM38.22 juta untuk membeli hasil pertanian yang diusahakan pengusaha agromakanan di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, ia bagi mengatasi masalah lambakan hasil pertanian susulan peningkatan kes jangkitan Covid-19 ketika ini.

Beliau berkata, pembelian tersebut dilakukan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bermula 25 Mei hingga 29 Julai lalu.

"Ia melibatkan belian hasil pertanian berjumlah 11,000 tan metrik bagi membantu pengusaha agromakanan memasarkan produk mereka di pasaran," katanya.

Menurutnya, untuk Kelantan, FAMA membelanjakan RM2.4 juta bagi membeli hasil tanaman melibatkan 2,500 tan metrik.

"Kesemua hasil pertanian itu akan dipasarkan oleh FAMA ke kawasan yang memerlukan dan ada sebahagianya akan dijadikan sebagai produk sumbangan menerusi program MAFI Prihatin," katanya kepada pemberita ketika membuat tinjauan berhubung isu lambakan timun yang diusahakan dua beradik di Kampung Pulau, Chicha Tinggi di sini pada Isnin.

Hadir sama ialah Penasihat Kompleks Pemasaran FAMA, Mohd Arifin Awang dan Pengarah FAMA Kelantan, Wan Nora Wan



Che Abdullah (dua dari kanan) membuat tinjauan susulan lambakan timun yang diusahakan dua beradik di Kampung Pulau, Chicha Tinggi di Pasir Mas pada Isnin.

Ahmad.

Sebelum ini *Sinar Harian* melaporkan dua beradik itu buntu kerana gagal memasarkan timun yang diusahakan dan menyebabkan mereka mengalami kerugian sebanyak RM2,000 sehari.

Sementara itu, Che Abdullah berkata, MAFI Prihatin merupa-

kan inisiatif serampang dua mata yang dapat membantu petani memasarkan lebih hasil pertanian mereka.

Dalam masa sama, katanya, ia dapat membantu rakyat yang terjejas akibat Covid-19.

Dalam perkembangan lain, Ahli Parlimen Tumpat itu berkata,



Pengusaha timun rugi RM2,000 sehari

Laporan *Sinar Harian* pada 29 Julai lalu.

projek ladang kontrak juga berjaya menyelesaikan masalah lambakan hasil pertanian.

"Langkah itu sekali gus mengelakkan pengusaha agromakanan di negara ini menanggung kerugian akibat gagal memasarkan produk keluaran mereka di pasaran.

"Melalui projek itu, FAMA menyediakan harga lantai untuk membeli segala hasil yang diusahakan oleh pengusaha agromakanan.

"Saya nasihatkan kepada pengusaha agromakanan supaya menjalankan kerjasama dengan agensi di bawah MAFI di peringkat awal lagi berkaitan apa yang hendak diusahakan," kata beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/8/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Program ladang kontrak atasi lambakan hasil pertanian



CHE Abdullah Mat Nawi turun padang membantu menyelesaikan masalah lambakan timun petani di Kampung Pulau, Chicha Tinggi, Pasir Mas, Kelantan hari ini.

PASIR MAS: Program ladang kontrak mampu menyelesaikan masalah lambakan hasil pertanian yang gagal dipasarkan sekali gus mengakibatkan pemain agro makanan di negara ini menanggung kerugian besar.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, melalui program itu,

Lembaga Pertanian Pemasaran Persekutuan (FAMA) selaku pengendali menyediakan harga lantai untuk membeli segala hasil pertanian peserta.

“Nasihat saya kepada pemain agro makanan supaya menjalinkan kerjasama dengan agensi di bawah kementerian sejak di peringkat awal lagi berkaitan dengan apa yang hendak mereka usahakan.

“Hal ini bagi memastikan isu lambakan hasil tidak berlaku kerana kita akan berusaha bantu mereka pasarkan hasil pertanian masing-masing,” katanya kepada pemberita selepas meninjau kebun timun diusahakan dua beradik di Kampung Pulau, Chicha Tinggi di sini hari ini.

Hadir sama Penasihat Kompleks Pemasaran Fama, Mohd. Arifin Awang dan Pengarah Fama, Kelantan Wan Nora Wan Ahmad.

Utusan Malaysia pada 29 Julai lalu melaporkan dua beradik mengalami kerugian RM2,000 sehari susulan gagal memasarkan timun yang diusahakannya akibat pandemik Covid-19.

Nik Azrin Nik Yaakub, 29, yang mengusahakan tanaman tersebut bersama abangnya, Nik Azani, 46, kecewa melihat timunan 1.5 tan timun yang dituai di kebun mereka setiap hari, tersadai tanpa pembeli.

Mengulas lanjut, Che Abdullah memberitahu, dalam tempoh 25 Mei hingga 29 Julai lalu, FAMA telah membeli 11,000 metrik tan hasil pertanian bagi membantu pemain agro makanan memasarkan produk mereka.

Katanya, nilai belian hasil pertanian sepanjang tempoh itu membabitkan perbelanjaan berjumlah RM38.22 juta.

“Untuk Kelantan sahaja FAMA belanja RM2.4 juta untuk membeli 2,500 metrik tan hasil tanaman. Selain dipasarkan ke lokasi dikenal pasti, sebahagiannya dijadikan produk sumbangan program kebajikan Mafi Prihatin,” katanya.

Sementara itu, Nik Azrin Nik Yaakub berterima kasih kepada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan kerana membantu menyelesaikan masalah lambakan hasil timun di kebun mereka.

“Keprihatinan pihak kerajaan membantu memasarkan hasil tanaman kami meredakan sedikit tekanan, sekali gus untuk dijadikan modal sebelum memulakan musim baharu nanti,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/8/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

[DIKEMASKINI] FAMA bantu pasar 11,000 tan hasil pertanian

HAZELEN LIANA KAMARUDIN | 02 Ogos 2021



Che Abdullah (dua dari kanan) membuat tinjauan terhadap isu lambakan timun yang diusahakan dua beradik di Kampung Pulau Chicha Tinggi di Pasir Mas pada Isnin.

PASIR MAS - **[DIKEMASKINI]** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membantu memasarkan sebanyak 11,000 tan metrik hasil pertanian bernilai RM38.22 juta.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, ia bagi mengatasi isu lambakan hasil pertanian di negeri ini susulan peningkatan kes jangkitan Covid-19.

Beliau berkata, jumlah itu merangkumi aktiviti pemasaran bermula 25 Mei hingga 29 Julai lalu.

"Kesemua hasil pertanian itu dipasarkan oleh FAMA ke kawasan yang memerlukan," katanya kepada pemberita ketika membuat tinjauan berhubung isu lambakan timun yang diusahakan dua beradik di Kampung Pulau, Chicha Tinggi di sini pada Isnin.

Iklan ditutup oleh Google

Hadir sama ialah Penasihat Kompleks Pemasaran FAMA, Mohd Arifin Awang dan Pengarah FAMA Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad.

Sebelum ini Sinar Harian melaporkan dua beradik berkeenaan buntu kerana gagal memasarkan timun yang diusahakan akibat pandemik Covid-19, sekali gus menyebabkan mereka mengalami kerugian sebanyak RM2,000 sehari.

Sementara itu, Che Abdullah berkata, ada sebahagian daripada hasil pertanian itu dijadikan sebagai produk sumbangan menerusi program MAFI Prihatin.

Beliau berkata, MAFI Prihatin merupakan inisiatif serampang dua mata di mana ia dapat membantu petani memasarkan lebih hasil pertanian mereka dan dalam masa sama dapat membantu rakyat yang terjejas akibat Covid-19.

"Untuk makluman, sepanjang tempoh berkenaan, FAMA telah membantu memasarkan 2,500 tan metrik yang dianggarkan bernilai RM2.4 juta," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau yang merupakan Ahli Parlimen Tumpat berkata, projek ladang kontrak berjaya menyelesaikan masalah lambakan hasil pertanian di negara ini.

"Langkah itu sekali gus mengelakkan 'pemain' agromakanan di negara ini menanggung kerugian akibat gagal memasarkan produk keluaran mereka di pasaran.

"Melalui projek itu FAMA selaku agensi bertanggungjawab telah menyediakan harga lantai untuk membeli segala hasil yang diusahakan oleh pemain agromakanan.

"Nasihat saya kepada pemain-pemain agromakanan supaya menjalinkan kerjasama dengan agensi di bawah MAFI di peringkat awal lagi berkaitan dengan apa yang hendak mereka usahakan," katanya.



03 AUG, 2021

FAMA pasarkan 11,000 tan metrik hasil pertanian 25 Mei hingga 29 Julai

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA pasarkan 11,000 tan metrik hasil pertanian 25 Mei hingga 29 Julai



TINJAUAN: Che Abdullah (dua, kanan) melihat sebahagian timun betang yang diusahakan Nik Azam Nik Yakub, 49, (kanan) dan adiknya Nik Azlin Nik Yakub, 29, (dua, kiri) ketika lawatan kerja beliau di Kampung Pulai, Pasir Mas.

PASIR MAS: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasarkan Pertanian Persekutuan (FAMA) membantu memasarkan 11,000 tan metrik hasil pertanian bernilai RM38.22 juta di seluruh negara bermula 25 Mei hingga 29 Julai lepas.

Tunutan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata FAMA memasarkan hasil pertanian itu menerusi pihak ketiga selain pusat operasi agensi berkenaan.

"Semua hasil pertanian yang dipasarkan FAMA itu dibawa ke kawasan memerlukan selain digunakan sebagai produk sumbangan dalam program MAFI Prihatin.

"Di Kelantan sahaja, FAMA turut membantu memasarkan hampir 2,500 tan metrik hasil pertanian dengan nilai RM2.1 juta," katanya kepada pemberita selepas melawat kebun timun di Kampung Pulai, Chibha, di sini semalam.

Turut hadir, Pengarah FAMA Kelantan Wan Nora Wan Ahmad dan Penasihat Kompleks Pemasaran FAMA Kelantan Mohd Arifin Awang.

Rabu lepas, Bernama melaporkan pekebun timun Nik Azam Nik Yakub, 49, dan adiknya Nik Azlin, 29, tertekan apabila hasil tanaman timun yang diusahakan sejak tahun lepas mempunyai lambakan kira-kira 1.5 tan sehari berikutan keterbatasan

pasaran.

Bagi menyelesaikan masalah itu, Che Abdullah berkata FAMA akan membantu memasarkan lambakan timun tersebut selain menjadikan mereka berduka sebagai petani di bawah program ladang kontrak.

"Menerusi FAMA juga kedua-duanya diberi tempat jualan secara percuma bagi membolehkan hasil dijual sendiri secara terus kepada pelanggan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, Kota Bharu dan mengaktifkan semula jualan hasil pertanian di kampung," katanya.

Sementara itu, Che Abdullah berkata masalah lambakan durian turut menjadi perhatian FAMA dengan

membeli dan mengumpulkan buah tersebut di seluruh negeri lalu ditempatkan di pusat memproses durian di Pusat Operasi FAMA di Machang.

Beliau berkata pusat tersebut telah beroperasi dengan diangap 100 hingga 150 tan metrik durian akan diproses menjadi kek, pes, tempoyak dan lumpur selain buahnya memasarkan buah-buahan tersebut ke Lembah Klang.

"Kada harga bagi durian biasa (kampung) pada masa ini dicatatkan RM2 sekilogram dan berlaku lambakan kira-kira 20 tan metrik pada minggu lepas di Kelantan. Kita jangka kan musim durian tidak panjang dan harga tidak turun terlalu rendah," katanya. — Bernama



03 AUG, 2021

FAMA pasarkan 11,000 tan metrik hasil pertanian 25 Mei hingga 29 Julai

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

TINJAUAN: Che Abdullah (dua, kanan) melihat sebahagian timun batang yang diusahakan Nik Azani Nik Yaakub, 49, (kanan) dan adiknya Nik Azrin Nik Yaakub, 29, (dua, kiri) ketika lawatan kerja beliau di Kampung Pulai, Pasir Mas. — Gambar Bernama

PASIR MAS: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) m e m b a n t u memasarkan 11,000 tan metrik hasil pertanian bernilai RM38.



Che Abdullah (dua dari kanan) melihat lambakan timun yang diusahakan Nik Izani Nik Yaakub (kanan) ketika lawatannya di projek tanaman timun seluas tiga ekar di Kampung Pulai, Mukim Chicha Tinggi, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

FAMA pasarkan 11,000 tan hasil tani

Inisiatif bantu petani berhadapan lambakan sayur-sayuran

Oleh Syaherah Mustafa
bhnews@bh.com.my

Pasir Mas: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membantu memasarkan 11,000 tan hasil pertanian membabitkan nilai khidmat pemasaran sejumlah RM38.22 juta di seluruh negara bermula 25 Mei sehingga 29 Julai 2021.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata semua hasil pertanian yang dipasarkan oleh FAMA dibawa ke kawasan yang memerlukan, selain diguna sebagai produk sumbangan dalam program MAFI Pr-ihat.

Katanya, inisiatif berkenaan secara tidak langsung dapat membantu golongan petani yang berhadapan masalah lambakan sayur-sayuran sebagaimana berlaku kepada pengusaha tanaman timun yang dilaporkan baru-baru ini.

"Pada dasarnya, FAMA telah membantu petani memasarkan hasil tanaman mereka, selain tu-

rut diberi tempat secara percuma di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, Kota Bharu, untuk menjual sendiri hasil timun terbabit.

"Selain itu, mereka yang berada dalam sektor agromakanan diseru untuk mendaftar di bawah agensi atau jabatan berkaitan pada peringkat awal supaya pihak kementerian dapat membantu jika ada masalah terutama dari segi pemasaran," katanya ketika ditemui selepas melawat kebun timun di Kampung Pulai, Mukim Chicha Tinggi, di sini, hari ini.

Che Abdullah berkata, di Kelantan sebanyak 2,500 tan hasil pertanian dipasarkan membabitkan nilai RM2.4 juta dalam tempoh yang sama.

Katanya, pengusaha kebun yang terkesan juga mengakui berpuas hati dengan bantuan FAMA, selain bersedia untuk terus memulakan tanaman baharu selepas ini dengan lebih tersusun melalui penyertaan Ladang Kontrak.

"Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa Kedua, FAMA turut mewujudkan bilik gerakan (Crisis Management Centre) yang beroperasi bermula jam 8 pagi sehingga 7 malam.

"Saya juga menyarankan orang ramai untuk membeli barangan dalam atas talian bagi mengelak risiko jangkitan wabak melalui aplikasi yang disediakan seperti Agrobazar Online (ABO)

dan e-commerce, begitu juga melalui Lazada, MyGrocer dan OurFarm AirAsia," katanya.

Dalam perkembangan lain, Che Abdullah berkata, kementerian juga membantu masalah lambakan durian dengan menghasilkan pelbagai produk makanan berasaskan buah itu.

Katanya, sebanyak 100 sehingga 150 tan durian dijangka diguna untuk menghasilkan produk seperti pes, kek, tempoyak dan lempuk.

Katanya, inisiatif itu diambil hasil kerjasama FAMA Kelantan dengan membeli serta mengumpulkan durian seluruh negeri untuk ditempatkan di Pusat Operasi FAMA di Machang, sebelum diproses menjadi produk makanan.

"Kadar harga bagi durian biasa (kampung) juga pada masa ini ditetapkan RM2 sekilogram dan di Kelantan berlaku lambakan kira-kira 26 tan pada minggu lalu. Kita jangkakan musim durian tidak panjang, jadi harga tidak turun terlalu rendah.

"Kementerian turut membantu ramai usahawan memasarkan durian ke luar Kelantan yang mana difahamkan harga buah berkenaan masih mencecah RM6 sekilogram di negeri luar seperti Kuala Lumpur," katanya.

Dalam perkembangan lain, Che Abdullah berkata, MAFI mengeluarkan sebanyak 20,274 surat kebenaran pembabitkan sektor pertanian tidak formal termasuk aktiviti rantai pembekalan dan pemasaran berkaitan keperluan makanan.

3/8/2021

UTUSAN

DALAM

27

MALAYSIA

NEGERI

FAMA beli semula lambakan hasil

Oleh YATIMIN ABDULLAH
utusannews@mediamulla.com.my

PASIR MAS: Lembaga Pertanian Pemasaran Persekutuan (FAMA) selaku pengendali program ladang kontrak menyediakan harga lantai untuk membeli segala hasil pertanian para peserta bagi mengatasi lambakan hasil berkenaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, program ladang kontrak mampu menyelesaikan masalah lambakan hasil pertanian yang gagal dipasarkan, sekali gus mengakibatkan pemam agro makanan di

negara ini menanggung kerugian besar.

"Nasihat saya kepada pemain agro makanan supaya menjalin kerjasama dengan agensi di bawah kementerian sejak di peringkat awal lagi berkaitan dengan apa yang hendak mereka usahakan."

"Hal ini bagi menastikan isu lambakan hasil tidak berlaku kerana kita akan berusaha bantukan mereka pasarkan hasil pertanian masing-masing," katanya kepada pemberita selepas meninjau kebun timun diusahakan dua beradik di Kampung Pulau, Chicha Tinggi di sini semalam.

Hadir sama Penasihat Kompleks Pemasaran Fama, Mohd. Arifin Awang dan Pengarah Fama, Kelantan Wan Nora Wan Ahmad.

Utusan Malaysia pada 29 Julai lalu melaporkan dua beradik mengalami kerugian RM2,000 sehari susulan gagal memasarkan timun yang diusahakannya akibat pandemik Covid-19.

Nik Azrin Nik Yaakub, 29, yang mengusahakan tanaman tersebut bersama abangnya, Nik Azani, 46, kecewa melihat timunan 1.5 tan timun yang dituai di kebun mereka setiap hari, tersadai tanpa pembeli.

CHE Abdullah Mat Nawi turun membantu menyelesaikan masalah lambakan timun petani di Kampung Pulau, Chicha Tinggi, Pasir Mas, Kelantan semalam.
- UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/8/2021	THE SUN	NEWS	3

Fama helps market 11,000 tonnes of greens

PASIR MAS: The Agriculture and Food Industries Ministry, through the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), has helped market 11,000 tonnes of agricultural produce worth RM38.22 million nationwide from May 25 to July 29.

Its Deputy Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi said Fama had marketed these products through third parties as well as through the agency's operations centres.

"All agricultural products marketed by Fama were brought to areas in need and were also distributed as donations under the Mafi Prihatin programme."

He said this to reporters after visiting a cucumber farm in Kampung Pulau, Chicha yesterday, accompanied by Kelantan Fama director Wan Nora Wan Ahmad.

Last Wednesday, Bernama reported that cucumber growers Nik Azani Nik Yaakub, 46, and his brother Nik Azrin, 29, were stressed as 1.5 tonnes of the vegetable had to be dumped daily for the past two weeks due to market limitations.

In resolving the problem, Che Abdullah said Fama would help market the cucumbers and include the brothers as farmers under the Contract Farming programme.

Meanwhile, in order to overcome the durian dumping issue in Kelantan, Che Abdullah said Fama would buy and collect the fruits from all over the state and place them at the Fama operations centre in Machang.

He said 100 to 150 tonnes of durians would be processed into cakes, pastes and tempoyak (fermented durian paste), apart from marketing the fruit to the Klang Valley. - Bernama



03 AUG, 2021

Fama helps market 11,000 tonnes of agricultural produce in May-July

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 1 of 2

Fama helps market 11,000 tonnes of agricultural produce in May-July

PASIR MAS: The Agriculture and Food Industries Ministry (Mafi), through the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), has helped market 11,000 metric tonnes of agricultural produce worth RM38.22 million nationwide from May 25 to July 29.

Its Deputy Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi said Fama had marketed these products through third parties as well as through the agency's operations centre.

"All agricultural products marketed by Fama were brought to areas in need and were also distributed as donations under the Mafi Prihatin programme.

"In Kelantan alone, Fama has helped market almost 2,500 metric tonnes of agricultural produce with a total value of RM2.4 million."

He said this to reporters after visiting a cucumber farm in Kampung Pulai, Chicha here yesterday, with Kelantan Fama director Wan Nora Wan Ahmad also present.

It was reported last Wednesday that cucumber growers Nik Azani Nik Yaakub, 46, and his younger brother Nik Azrin, 29, were worried as 1.5 tonnes of their vegetables had to be dumped daily for the past two weeks due to market limitations.



Che Abdullah (second right) takes a look at some of the cucumbers grown by brothers Nik Azani (right) and Nik Azrin (second left) during his working visit to Kampung Pulai. - Bernama photo

In resolving the problem, Che Abdullah said Fama as the marketing agency would help market the cucumbers and include the brothers as farmers under the Contract Farming programme.

"Through Fama, both of them will also be given a free point of sale at the Rural Transformation Center in Tunjong, Kota Bharu to enable them to sell agricultural products directly to customers

and Fama will also reactivate the sale of agricultural produce in the village," he said.

Meanwhile, in order to overcome the durian dumping issue in Kelantan, Che Abdullah said Fama would buy and collect the fruits from all over the state and place them at the Fama operations centre in Machang.

He said it is expected that about 100 to 150 metric tonnes of durians would be processed

into cakes, pastes and tempoyak (fermented durian paste), apart from marketing the fruit to the Klang Valley.

"The price for the durian kampung variety has been set at RM2 per kilogramme and in Kelantan, there was a dumping of about 26 metric tonnes of durians last week. We expect the durian season will not be long and the price will not go down too low," he added. — Bernama



03 AUG, 2021

Fama helps market 11,000 tonnes of agricultural produce in May-July

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Fama helps market 11,000 tonnes of agricultural produce in May-July PASIR MAS: The Agriculture and Food Industries Ministry (Mafi), through the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), has helped market 11,000 metric tonnes of agricultural produce worth RM38.22 million nationwide from May 25 to July 29. Its Deputy Minister II D tuk Che Abdullah Mat Nawi said Fama had marketed these products through...

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/8/2021	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Harga durian kampung jatuh kepada RM2 sekilo di Tanah Merah dan Jeli



Pekebun dan penjual durian kampung di sepanjang daerah Tanah Merah dan Jeli menzahirkan keresahan disebabkan harga durian jatuh menjunam pada tahun ini.

Ditambah pula dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP) sejak Jun lalu di seluruh negara telah menghadkan pergerakan pembeli dari luar negeri mahupun luar daerah untuk datang membeli.

Bagi peraih, Rusli Azizi Samsudin, 36, dia akan membeli durian daripada penduduk kampung dengan harga RM1.50 sekilogram (kg) dan akan menjualnya kembali dengan harga RM2 sekilogram.

"Tahun ini merupakan tahun yang paling tenat kerana sebelum ni pun harga jatuh juga tetapi tidaklah kurang dari RM6 sekilogram tetapi tahun ini harga jatuh sehingga RM2.

"Masalah durian tidak terjual pula selalu terjadi terutamanya pada hari bekerja kerana tidak ramai orang yang boleh datang membeli.

"Pernah berlaku juga dua atau tiga hari lepas, kira-kira setengah tan metrik durian kita tidak terjual dan kita lelong dengan harga rugi sahaja untuk mengelakkan durian tersebut rosak," katanya semasa ditemui wartawan *Malaysiakini* di Pasir Dusun, Jeli, semalam.

Menurut Rusli, dia juga pernah menjual kepada pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), tetapi harga yang ditawarkan kepadanya sangatlah rendah berbanding dengan harga yang dia tawarkan kepada pelanggan biasa.

"Kita terpaksa lah bersetuju untuk menjual dengan harga murah kepada pihak Fama disebabkan lambakan yang kita alami," katanya.

Sementara itu, Fakrul Mustaqim, 28, berkata, kebun duriannya di Sungai Renyuk, Jeli berupaya mengeluarkan durian sebanyak 50 kg setiap hari dan akan menjualnya di sekitar kampung sahaja kerana tidak dapat membawa keluar disebabkan PKP.

"Jika ramai peraih masuk, maka harga akan naik tapi disebabkan keadaan Covid-19 sekarang ini, mereka tersekat dan tidak dapat masuk ke sini untuk mengambil hasil kebun kami.

"Baru-baru ini harga durian jatuh sehingga 70sen sekilogram tapi sekarang naik sedikit menjadi RM2 tapi masih lagi rendah dari tahun-tahun sebelumnya," terang Fakrul.

Apabila ditanya berkenaan lambakan durian yang dihadapi oleh rata-rata pekebun, dia menjawab, dia juga mengalami perkara yang sama.

Katanya, lebih durian terpaksa memproses untuk dijadikan lempuk ataupun diberi kepada orang ramai secara percuma untuk mengelak daripada rosak serta terbuang begitu sahaja.



03 AUG, 2021

Durian price plummets after turning unsalable due to factory suspended from work

China Press, Malaysia

Page 1 of 2

加工廠無法運作 榴槤滯銷大跌價

（吉隆坡2日讯）榴槤加工厂在行
动管制令期间无法全面运作，导致国
内榴槤价格大跌。

联邦农业销售局（FAMA）业务部副
总监阿都拉昔指出，无法出售至加工
厂的榴槤，被迫运往市场出售，以致
出现滞销。

他说，通常榴槤季节到来，部分榴
槤会送至加工厂以进行出口，即去

皮或加工成榴
槤泥，有多的
才推出市场出
售。

阿都拉昔告
诉《马来西亚
前锋报》，该

局早前预料有60%榴槤会送到工厂加
工，40%会在本地市场出售。

他说，榴槤照理不会跌价至如今这
个地步，但还是发生了，原因太多榴
槤无法被加工。

他说，相比起邻国，大马每年只出
口4%榴槤到外国，而泰国出口至中国
的榴槤达95%。



03 AUG, 2021

Durian price plummets after turning unsalable due to factory suspended from work

China Press, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

加工廠無法運作

榴槿滯銷(吉隆坡2日訊) 榴槿加工廠在行動管制令期間無法全面運作，導致國內榴槿價格大跌。聯邦農業銷售局 (FAMA) 業務部副總監阿都拉昔指出，無法出售至加工廠的榴槿，被迫運往市場出售，以致出現滯銷。他說，「通常榴槿季節到來，部分榴槿會送至加工廠以進行出口，即去皮或加工成榴槿泥，有多的才推出市場出售。」阿都拉昔告訴《馬來西亞前鋒報》，該局早前預料有60% 榴槿會送到工廠加工，40% 會在本

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/8/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK	27

Lima tan durian untuk petugas hadapan

Sebagai penghargaan kepada mereka yang bertungkus-lumus memastikan Covid-19 dapat diputuskan

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH

Sebanyak lima tan durian akan diagihkan secara percuma kepada petugas barisan hadapan di negeri ini.

Exco Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria berkata, pemberian durian tersebut sebagai penghargaan kepada petugas barisan hadapan yang bertungkus-lumus memastikan Covid-19 dapat diputuskan.

Beliau berkata, sumbangan tersebut juga dapat membantu pengusaha durian yang berdepan

masalah memasarkan raja buah itu sekali gus mengelak berlaku lambakan.

"Kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM300,000 bagi membeli durian daripada orang kampung supaya tidak membazir.

"Sumbangan durian ini adalah penghargaan kepada petugas barisan hadapan di atas pengorbanan dan usaha mereka dalam membantu mengekang penularan Covid-19.

"Kita akan edarkan ke kawasan yang tidak mempunyai pokok durian seperti Bagan Datuk, Teluk Intan dan Ipoh bagi orang merasa durian musim ini," katanya kepada pemberita selepas mengagihkan durian kepada petugas barisan hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Stadium Indera Mulia di sini pada Isnin.

Razman berkata, antara lokasi pengagihan durian tersebut adalah di kawasan sekatan jalan raya (SJR), PPV dan Pusat

Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC).

Menurutnya, sebanyak satu tan telah diagihkan melibatkan lebih 300 petugas di tiga SJR sekitar Ipoh dan PPV Stadium Indera Mulia pada Isnin.

Pada minggu hadapan, katanya, sebanyak satu tan durian lagi akan diagihkan untuk petugas di PKRC.

Dalam perkembangan lain, Razman berkata, keperluan air bagi tujuan pertanian di negeri ini masih mencukupi dalam tempoh cuaca panas yang sedang dialami negara ketika ini.

"Setakat ini belum ada rungutan dan keperluan air untuk pertanian terkawal.

"Kebetulan air untuk padi ketika musim menuai ini adalah tidak perlu dan mungkin sebulan dua lagi kita perlukan air untuk menanam.

"Jadi cuaca panas ketika ini tidak menjejaskan petani dan hasil pertanian kerana keperluan air terkawal," jelas beliau.



Razman (kiri) menunjukkan sebahagian daripada satu tan durian yang diagihkan untuk petugas barisan hadapan di PPV Stadium Indera Mulia, Ipoh pada Isnin.

Beliau bagaimanapun mengakui paras air di Tasik Bukit Merah untuk kegunaan pertanian di sekitar daerah Kerian mengalami penurunan.

Walaupun begitu, katanya, rancangan tersendiri untuk kegiatan pertanian di kawasan tersebut sudah pun mempunyai pembekalkan air secukupnya.

3/8/2021

KOSMO

NIAGA

31

KoSahabat sasar hasilkan satu juta ayam pedaging

Oleh **MOHD. AZLI ADLAN**

SETU – Koperasi Permodalan Sahabat (KoSahabat) menyasar untuk mengeluarkan satu juta ayam pedaging bagi setiap pusingannya di ladang penternakan di Telaga Papan di sini dalam tempoh lima tahun.

Pengerusi KoSahabat, Prof. Madya Dr. Fakhrul Anwar Zainol berkata, unjuran itu sejajar dengan matlamat koperasi yang dianggotai pelajar dan alumni Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) untuk menjadi antara pemain penting pengeluaran ayam pedaging di Terengganu.

"Buat masa ini, ladang ayam KoSahabat mampu mengeluarkan 33,000 ekor ayam pedaging bagi setiap pusingan selama 35 hari.

"Pengeluaran itu bakal ditingkatkan kepada 200,000 ekor ayam bagi setiap pusingan menjelang hujung tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu taklimat kepada Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perikanan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr. Azman Ibrahim berhubung projek ternakan ayam pedaging berkenaan.

Turut hadir Ketua Sektor



FAKHRUL ANWAR (kanan) bersama **Muhammad Nursyahidin (kiri)** memberi penerangan tentang ternakan ayam pedaging milik **KoSahabat di Telaga Papan** semalam.

Unggas KoSahabat, Muhammad Nursyahidin Abu Hasan.

Fakhrul Anwar menjelaskan, ladang ayam KoSahabat yang diusahakan di tanah milik Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu seluas 2.03 hektar itu mampu mengeluarkan ayam pedaging sebanyak enam pusingan setiap tahun.

Tambah beliau, penternakan ayam pedaging yang diusahakan oleh koperasi tersebut berkonsepkan reban tertutup mesra alam.

"Ladang ayam KoSahabat juga diuruskan dengan penggunaan Internet of Things (IoT) dengan penggunaan air terawat yang mampu menghasilkan ayam pedaging seberat sekurang-

kurangnya 2.3 kilogram bagi setiap ekor.

"Projek pembesaran ladang ayam KoSahabat memerlukan tambahan tapak reban sebesar 5.67 hektar dan mendapat kerjasama baik kerajaan negeri."

Selain itu, beliau menerangkan, sektor penternakan ayam pedaging berpotensi tinggi di Terengganu kerana dianggarkan 70 peratus permintaan ayam kini dibekalkan penternak Pahang, Johor, Kelantan dan Perak.

"Berdasarkan maklumat syarikat pembekalan ayam pedaging, Chareon Pokphand Group, satu juta ekor ayam pedaging diperlukan setiap bulan bagi memenuhi permintaan pengguna tempatan," katanya.



ABDUL MANAN Yunus (depan, kanan) melayani pelanggan membeli durian kampung di Kampung Hulu Cheka, di Jerantut, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

Durian Pawang Nong pikat hati pelanggan

Oleh HARIS FADILAH AHMAD
utusannews@mediamula.com.my

JERANTUT: Ketika fenomena durian Musang King dan baka lain kurang laris di pasaran, durian kampung Hulu Cheka di sini masih ada di jiwa dalam kalangan penggemar tempatan dan pelanggan luar.

Ini kerana durian kampung bersejarah kelahiran pendekar Melayu Pahang, Pawang Nong tetap mempunyai aroma dan kelazatan isinya yang sentiasa menambat hati pelanggan dan penggemar setiap musim raja buah berkenaan.

Walaupun penduduk berdepan kewaspadaan penularan pandemik Covid-19 dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pokok durian kampung Pawang Nong tetap lebat buahnya di samping bersaing dengan baka lain antaranya seperti Musang King, D24, IOI, durian Kepala Gajah, Ganja, Tangkai Panjang dan Sri Damak.

Oleh kerana durian kampung Pawang Nong menjadi tumpuan setiap musim, kerajaan negeri telah menjadikan Kampung Hulu Cheka dekat sini sebagai hab atau lembah durian kampung melalui program Durio Tourism atau Pelancongan Durian sebagai lokasi baharu tarikan pelancong ke Pahang.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, peniaga durian kampung Hulu Cheka, **Abd. Manan Yunus**, 60, berkata, musim durian yang



ISI durian kampung 'Pawang Nong' yang sentiasa memikat selera peminat raja buah berkenaan di Kampung Hulu Cheka di Jerantut, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD.

'menjadi' serta lebat buahnya menyaksikan durian kampung antara pilihan penggemarnya walaupun berlaku sedikit lambakan tetapi tidak seteruk seperti tempat lain.

"Sudah hampir tiga tan durian kampung saya jual di bandar Jerantut dan Bandar Pusat Jengka kerana ada penggemar durian kampung Pawang Nong setiap kali musimnya tiba.

"Harganya berpatutan, iaitu cuma antara RM5 hingga RM6 sekilogram dan pelanggan tetap memilih dan berbelanja untuk makanan keluarga dan juga dibuat tempoyak," katanya di Kampung Tanjung Puteri, Hulu Cheka dekat di sini semalam.

Rakannya di Kampung Tanjung Puteri, Hulu Cheka, Md.

Daud Ali, 54, juga mengakui durian kampung Pawang Nong mempunyai aroma serta isi yang lembut, warna kekelabuan, rasa manis bercampur masin antara tarikan penggemar setiap kali musim durian.

"Saya cuma menunggu pelanggan datang mengambil serta berbelanja buah durian kampung di kedai di sini pada sebelah pagi hingga tengah hari.

"Sehingga kini, lebih empat tan buah ini dilepaskan untuk pasaran ke bandar Jerantut dan Bandar Pusat Jengka, malah, permintaan masih ada sehingga kini walaupun buah di dusun saya sudah hampir peringkat penghujung," katanya.

Isi durian Monthong kuning, tebal, manis

PENDANG: Durian Monthong atau bantal emas yang merupakan buah durian paling digemari dan popular di Thailand didapati banyak ditanam penduduk masyarakat Siam di Kampung Titi Akar di sini.

Kebanyakan penduduk di kampung itu mula menanam pokok durian itu sejak awal tahun 1990 selepas durian tersebut didaftarkan di Malaysia pada 1987.

Durian tersebut diminati ramai kerana isinya mempunyai ulas yang besar, isinya tebal, berwarna kuning dan manis serta kurang beraroma.

Seorang penduduk di Kampung Titi Akar yang mengusahakan tanaman pokok durian Monthong, **Sira Aisi**, 52, berkata, dia dan suaminya, **Wechin Aiwan**, 55, menanam pokok sebanyak 13 pokok durian Monthong kira-kira 30 tahun lalu.

Menurutnya, kebanyakan penduduk di kampung itu juga menanam pokok durian tersebut kerana mengeluarkan buah yang banyak setiap musim berbanding pokok durian lain dan mempunyai permintaan tinggi di pasaran.

Katanya, buah durian Monthong juga lebih besar sehingga mencapai berat antara empat hingga enam kilogram sebiju dan berbentuk bujur panjang, bergelugur dan hujung buah tajam.

"Kami menanam beberapa varieti pokok durian termasuk Monthong di kawasan seluas



Kesemua pokok durian Monthong yang ditanam itu mengeluarkan buah melebihi 600 hingga 1,000 biji pada setiap musim."

SIRA AISI

kira-kira satu hektar.

"Antara varieti pokok durian lain yang ditanam ialah Udang Merah, Chanee Emas, Chanee Telur, Pisang Emas, Magnolia, D9 dan D2," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sira memberitahu, kesemua pokok durian Monthong yang ditanam itu mengeluarkan buah melebihi 600 hingga 1,000 biji pada setiap musim.

Bagaimanapun, katanya, jumlah buah durian tersebut pada tahun ini agak berkurangan berbanding tahun lalu.

Selain itu, katanya, dia menjual sendiri buah durian tersebut di tepi jalan di Kampung Titi Akar, selain dibeli oleh peraih termasuk dari luar daerah ini.

"Durian Monthong dijual pada harga RM25 sekilogram tetapi pada tahun ini dijual RM15 sekilogram sahaja kerana jumlah pelanggan berkurangan," katanya.



SIRA Aisi bersama anaknya, **Sukphakorn Chaimani Wechin** menunjukkan buah durian Monthong yang dijual di Kampung Titi Akar, Pendang, Kedah semalam. - UTUSAN/ZAID MOHD. NOOR